



Kejadian ragut

1 Ragut ketika menuju ke kereta

- Ragut seperti ini berlaku apabila seseorang mangsanya menuju ke kereta yang diletakkan di luar rumah.
- Peragut yang telah membuat pemerhatian akan terus mendatangi mangsanya.
- Beg tangan ditarik sehingga boleh mendatangkan kecederaan kepada mangsa.

2 Ragut ketika menutup pintu pagar rumah

- Ragut seperti ini berlaku ketika mangsa mengeluarkan kereta dari garaj.
- Ketika ingin menutup pagar, beg tangan dan barang berharga ditinggalkan di dalam kereta yang tidak berkunci.
- Biasanya terjadi pada waktu pagi ketika mangsa mahu keluar bekerja.
- Penjenayah terus membuka pintu dan melarikan barang berharga.
- Mangsa tidak mampu untuk bertindak kerana kejadian tersebut berlaku dengan pantas.

3 Peragut berpura-pura bertanyakan alamat rumah

- Peragut akan menyamar seolah-olah sesat di dalam taman.
- Peragut akan tekan loceng dan cuba bertanyakan alamat kepada mangsanya.
- Sewaktu mangsa sedang melihat alamat rumah, penjenayah akan terus meragut rantai leher mangsa.
- Kejadian berlaku dengan pantas dan boleh mendatangkan kecederaan kepada mangsa.

Ragut depan rumah

Hujan masih tidak menunjukkan tanda-tanda untuk berhenti biarpun masih gerimis. Namun cuti umum sempena Hari Keputeraan Sultan harus dimanfaatkan oleh Wani, 25, sepenuhnya.

Gadis manis yang tinggal di Bandar Bukit Besar bercadang untuk keluar rumah bersama ibunya. Jam menunjukkan tepat 3 petang. Payung di dalam rumah dicapai untuk menuju ke kereta Proton Perdana hitam yang diletakkan di hadapan rumah.

Tangan kiri memegang payung dan beg tangan digalas di bahu kanan. Ketika sedang berjalan menuju ke kereta, Wani didatangi dua lelaki bertopi keledar penuh menunggang sebuah motosikal.

Sebelum itu dia tidak perasan kelibat dua lelaki tersebut. Tanpa di duga, beg tangannya di rentap. Wani yang terkejut dengan tindakan pantas dua lelaki itu cuba melawan.

Bagaimanapun kudrat wanita tidak gagah lelaki. Beg tangannya dapat ditarik penjenayah. Hanya tali beg sahaja yang tinggal.

"Hoi peragut!" jerit ayahnya yang melihat kejadian menimpa anaknya itu.

Adik lelaki Wani yang turut tersedar dengan jeritan ayahnya itu te-

rus mencapai motosikal dan cuba mengejar penjenayah. Bagaimanapun sudah terlewat.

Wani tidak mampu bersuara mahupun melawan. Dia berada dalam ketakutan. Peragut itu sempat menjeling ke arahnya ibarat memberi amaran.

Kejadian itu menyebabkannya kerugian hampir RM3,000 di mana wang tunai, dua telefon bimbit dilarikan, kad pengenalan dan kad bank dilarikan.

Peristiwa itu menyebabkan Wani trauma untuk keluar rumah seorang diri.

"Tidur malam tidak lena. Asyik terkenangkan peristiwa itu. Syukur saya tidak cedera," katanya.

Taktik peragut

Awas wanita! Anda sememangnya akan menjadi mangsa peragut sekiranya tidak berhati-hati. Bukan sahaja di tempat awam, malah di depan rumah sekalipun.

Penjenayah akan mengambil peluang sekiranya kita sering kali cuai. Peluang jenayah itu wujud atas faktor kita sendiri.

Minggu ini Modus Operandi akan merungkai kejadian ragut di hadapan rumah.



Sasaran peragut

1 Wanita

- Beg tangan dan barang kemas

2 Remaja

- Telefon bimbit dan barang kemas

3 Kanak-kanak

- Barang kemas

Kaedah ragut

1 Belakang

- Peragut akan mengekori mangsa dari arah belakang dan apabila tiba masa yang sesuai, mereka akan meragut mangsa.

- Mereka kemudiannya melarikan diri dengan menggunakan motosikal.

- Mangsa tidak menyedari dan tidak dapat mengenali muka peragut.

2 Depan

- Peragut akan berpura-pura bertanyakan sesuatu kepada mangsa.

- Ketika mangsa melayan, peragut akan memainkan peranan.

- Biasanya akan berlaku pergelutan.

- Mangsa akan mengalami kecederaan dalam pergelutan tersebut.

3 Sisi

- Berhati-hati ketika berada di restoran, lampu isyarat atau lorong sunyi kerana lokasi itu menjadi tumpuan peragut.

- Peragut akan memecahkan cermin kereta semata-mata ingin mengambil barang berharga ketika mangsa berada di dalam kereta.



Tindakan peragut sebelum meragut

1. Peragut selalunya berdua.
2. Menggunakan sebuah motosikal.
3. Akan menunggang mengelilingi kawasan perumahan untuk mencari mangsanya.
4. Apabila mendapat sasaran, mereka akan menunggu masa yang sesuai untuk bertindak.

Cara mengelak daripada menjadi mangsa ragut

Sebagai individu yang terdedah kepada jenayah ragut terutamanya wanita, kita seharusnya mengambil langkah pencegahan awal agar tidak menjadi mangsa. Sikap sambil lewa perlu dibuang kerana penjenayah sentiasa memasang telinga, mata dan mengaktifkan minda mereka supaya dapat menjadikan kita sebagai mangsanya. Pelbagai perkara perlu diambil supaya kita dapat mencegah kejadian ragut.

- 1 Sentiasa membimbit atau mengepit beg tangan
- 2 Tidak memakai beg tangan bertali panjang
- 3 Tidak disangkut atau disandang pada baju supaya ia lebih sukar diragut dan boleh mengelakkan kecederaan sekiranya berlaku kejadian ragut.
- 4 Sentiasa membawa wang tunai minimum
- 5 Tidak memakai barang kemas terlalu banyak sehingga mendatangkan keinginan kepada peragut
- 6 Elak berada di tempat sunyi seorang diri
- 7 Jika berjalan di jalan raya, pastikan berjalan menentang arus kerana kita boleh melihat individu yang datang dari arah hadapan
- 8 Bawa barang yang perlu sahaja